

Harga apartmen, kondominium privet sudah siap naik 0.1% bulan lalu

HARGA apartmen dan kondominium privet yang sudah siap di Singapura meningkat sebanyak 0.1 peratus pada Disember berbanding bulan sebelumnya.

Ini merupakan kenaikan harga bulanan pertama bagi hartanah itu sejak Ogos 2018, menyusuli penurunan 0.5 peratus pada November.

Perangkaan itu didapatkan daripada ramalan yang dikeluarkan kelmarin oleh Universiti Nasional Singapura (NUS) bagi Indeks Harga Perumahan Singapura (SRPI), yang memantau harga rumah privet tidak berhalaman yang sudah siap.

Trend meningkat pada Disember itu didorong oleh kenaikan harga 0.2 peratus bagi apartmen di kawasan pusat, tidak termasuk unit kecil.

Ini mengatasi penurunan mendadak sebanyak 0.9 peratus dalam data yang disemak bagi November.

Bagaimanapun, harga apartmen di kawasan bukan pusat, tidak termasuk unit kecil, terus turun – sebanyak 0.1 peratus lagi.

Harga unit kecil, yang tidak lebih daripada 506 kaki persegi, kekal sama, selepas jatuh 0.7 peratus pada November.

Institut Pengajian Hartanah NUS, yang membangunkan siri SRPI itu menakrifkan kawasan pusat sebagai Kawasan 1 hingga 4 (termasuk daerah kewangan dan Sentosa Cove) dan daerah kediaman utama tradisional 9, 10 dan 11.

Dibandingkan dari tahun ke tahun, harga bulan lalu adalah 3.2 peratus lebih tinggi berbanding Disember 2017.

Harga apartmen lebih besar di kawasan pusat naik sebanyak 2.7 peratus, sementara harga di kawasan bukan tengah menyaksikan pertumbuhan tahunan 3.5 peratus.

Harga unit kecil naik 4.1 peratus berbanding setahun lalu.

Perangkaan SRPI bagi Januari akan dikeluarkan pada 28 Februari nanti.



TREND MENINGKAT: Trend harga meningkat bagi apartmen dan kondominium privet yang sudah siap di Singapura pada Disember lalu didorong oleh kenaikan harga 0.2 peratus bagi apartmen di kawasan pusat, tidak termasuk unit kecil. Gambar menunjukkan kondominium Corals at Keppel Bay yang terletak di sebahagian kawasan lama limbungan kapal Keppel. – Foto fail